| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline: | **RM400,000 bantu pesakit HIV** | Date: | **28 February 2012** |
| Media Title: | **Harian Metro** | Section: | **Hati** |
| Language: | **Malaya** | | |

# RM400,000 bantu pesakit HIV

Oleh Nor Faizah Mohamed
faizah@hmetro.com.my



*SIFAR...peserta dan sukarelawan menunjukkan tanda sifar sebagai simbolik kepada tema Hari Aids Sedunia 2011.*

KELETAH serta kebijaksanaan yang ditunjukkannya nyata menarik minat sesiapa jua untuk terus melayan anak kecil ini. Pada usia mencecah hampir enam tahun, Jeremy (bukan nama sebenar) tampak seperti kanak-kanak seusianya.

Kepetahannya berbicara dan rasa seronok jelas terpancar di wajahnya kala diraikan sekumpulan jurusolek dan warga kerja Mac Cosmetics Malaysia (Mac) bersama sukarelawan Majlis Aids Malaysia (MAM) di Permai Rainforest Resort, Kuching sempena Hari Aids Sedunia 2011, baru-baru ini.



*INGIN TAHU...Presiden Majlis Aids Malaysia, Tan Sri Zaman Khan (dua dari kiri) bertanyakan mengenai gincu Viva Glam kepada Anna (dua dari kanan) sambil diperhatikan Roswati (kanan) dan Dayang Nurfaizah.*

- 

*HIDANG...kakitangan Mac Cosmetics seronok melayan kerenah kanak-kanak yang menyertai Projek Inisiatif Sukarelawan Hari Aids Sedunia di Kuching, baru-baru ini.*

- 

*HIDANG...kakitangan Mac Cosmetics seronok melayan kerenah kanak-kanak yang menyertai Projek Inisiatif Sukarelawan Hari Aids Sedunia di Kuching, baru-baru ini.*

- 


*SOKONG...Anna menyampaikan sumbangan Tabung Aids Mac kepada Roswati (kanan).*

- 

*SELEBRITI SOKONGAN REBEN MERAH...Dayang Nurfaizah disolek menggunakan gincu Viva Glam sempena Hari Aids Sedunia 2011.*

- 

  *SUMBANGAN...Anna (kiri) menghadiahkan peralatan sekolah kepada peserta.*

Pada pandangan kasar, tiada cacat celanya anak kecil ini, namun Jeremy salah seorang kanak-kanak yang hidup dengan HIV, yang diwarisi daripada mendiang ibu dan bapanya.

“Saya tinggal dengan nenek. Nenek kata ibu dan bapa tiada di sini, pergi jumpa tuhan. Tapi tak apa, nenek ada untuk bermain dengan saya, walaupun kadang-kadang nenek marah dan suruh saya diam,” katanya lancar tanpa sebarang nada pelat ketika ditanya mengenai keluarganya.

Menurut neneknya, bapa Jeremy berasal dari Filipina dan bekerja di sana.

Apabila pulang ke Sarawak, bapanya yang menghidap HIV terus menjangkiti si ibu sebelum melarat ke anak mereka.

Disebabkan terlewat mendapatkan rawatan atas faktor malu pada masyarakat sekeliling dan kurangnya kesedaran mengenai penyakit itu, bapanya meninggal dunia beberapa tahun lalu sebelum ibunya pula menyusul pada awal 2011.

Nenek adalah satu-satunya waris yang ada lalu Jeremy kini menumpang kasih pada warga emas itu yang melakukan kerja kampung bagi menyara kehidupan mereka berdua.

Jeremy adalah antara 10 kanak-kanak dan remaja bersama keluarga mereka yang terbabit dalam Projek Inisiatif Sukarelawan Hari Aids Sedunia anjuran Mac dan MAM, yang memberi penekanan kepada kesedaran di kalangan peserta yang hidup dengan HIV di samping berusaha mewujudkan suasana yang lebih positif untuk mereka.

Acara hari pertama dimulakan dengan aktiviti menjelajah hutan kecil di sekitar resort yang menyaksikan peserta teruja mempelajari perkara baru mengenai alam sekitar,

selain melihat bermacam spesies serangga kecil yang selama ini tidak pernah diketahui kewujudannya.

Usai aktiviti itu, peserta kemudian pulang ke bilik masing-masing untuk membersihkan diri sebelum menyertai acara makan malam barbeku di dewan utama.

Sambil makan, bintang Akademi Fantasia, Bob Yusof, yang juga Selebriti Sokongan Reben Merah MAM, tampil menyanyikan beberapa lagu popular sebelum wakil Mac dan MAM menunjukkan kebolehan dan bakat masing-masing dengan persembahan tarian serta nyanyian beramai-ramai.

Dalam kemeriahan itu, Pengurus Besar Jenama Mac Cosmetics Malaysia, Anna Chang tidak ketinggalan menyerahkan sumbangan RM400,000 kepada Pengarah Eksekutif Majlis Aids Malaysia, Roswati Ghani sebagai satu sokongan untuk MAM meneruskan aktiviti bantuan mereka terhadap orang yang hidup dengan HIV di seluruh Malaysia.

Jelas Anna, sumbangan itu dikumpulkan menerusi pembelian gincu dan produk berkaitan kempen Viva Glam, yang mana 100 peratus keuntungan jualan produk itu disalurkan kepada Tabung Aids Mac sebelum diserahkan kepada badan berkaitan.

"Ini salah satu cara projek sukarelawan Mac bersama MAM sejak 2000 dan kami akan terus menyokong program sebegini, seiring dengan moto Everyday Is The World Aids Day (Setiap Hari Adalah Hari Aids Sedunia) yang dilaungkan Mac seluruh dunia," katanya.

Aktiviti hari terakhir kemudian diteruskan dengan kembara di Laut China Selatan bagi melihat sendiri ikan lumba-lumba dengan lebih dekat yang dikatakan timbul dan 'bermain-main' di permukaan laut pada waktu pagi.

Dua bot pertama berjaya melihat aksi comel ikan itu, namun dua bot terakhir pulang hampa dan terpaksa memendekkan lawatan berikutan matahari makin terik di atas kepala.

Selesai menikmati hidangan tengah hari, tiba masanya peserta dan sukarelawan mengucapkan selamat tinggal. Bagi peserta, biarpun aktiviti sokongan seperti ini hanya dua hari, ia amat bermakna bagi mereka untuk meneruskan hidup dengan lebih yakin dan positif.

## Usah menghukum tapi bantulah derita mereka

PELBAGAI kempen sudah dianjurkan, bermacam cara dilakukan dan ramai selebriti terbabit dalam menyampaikan mesej kepada masyarakat, namun masih ramai di kalangan rakyat negeri ini yang masih memandang serong orang hidup dengan HIV dan Aids hingga wujud unsur diskriminasi terhadap mereka.

Menurut Pengarah Eksekutif Majlis Aids Malaysia (MAM), Roswati Ghani, kerajaan banyak membantu dalam bentuk suntikan dana jutaan ringgit bagi menyokong usaha meningkatkan kesedaran mengenai HIV dan Aids di kalangan masyarakat.

“Jakim (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) juga sudah mula menganjurkan beberapa program kesedaran dan menyediakan manual HIV dan Islam sebagai panduan kepada masyarakat.

“Biarpun hasilnya mula tampak positif, tapi stigma masih tebal di kalangan masyarakat kita. Mereka tahu apa itu HIV dan Aids, bagaimana ia dijangkiti dan cara mengurangkan penularannya.

“Tapi bila berdepan orang yang hidup dengan HIV dan Aids ini, segala maklumat yang mereka peroleh itu ditolak tepi lalu meminggirkan mereka.

“Contohnya di Sarawak, tiada satu pun rumah perlindungan diwujudkan bagi membantu mereka.

“Apabila ada program bantuan daripada MAM, ramai yang enggan terbabit kerana takut diketahui jiran atau orang sekeliling kerana dikhuatiri menjejaskan rutin harian mereka.

“Apa yang menyedihkan ialah mereka menjangkiti isteri kemudian anak-anak hingga akhirnya satu keluarga menghidap virus itu.

“Sebagai rakyat Malaysia yang prihatin, bukanlah tugas kita untuk menghukum mereka, tapi kita sepatutnya membantu mengurangkan bebanan yang mereka hadapi.

“HIV dan Aids mudah dijang�kiti jika tiada kesedaran mengenainya, tidak seperti penyakit barah yang tidak berjangkit sesama manusia. Jadi HIV dan Aids ini sepatutnya dirawat dan diberi perhatian sebagai kesihatan umum,” katanya.

Berdasarkan tema menuju sifar yang ditetapkan UNAids bagi 2011 hingga 2015, Roswati menyifatkan adanya perubahan positif apabila jumlah jangkitan daripada ibu kepada anak makin berkurangan.

“Apa yang kami sasarkan untuk tempoh lima tahun ini ialah sifar jangkitan baru, sifar diskriminasi dan sifar kematian berkaitan Aids. Setakat ini, kami berjaya mengurangkan jumlah jangkitan daripada ibu kepada anak hampir ke angka sifar berikutan wujudnya beberapa rawatan terkini yang dapat membantu mengesannya lebih awal.

“Jangkitan baru di kalangan pengguna jarum suntikan (IDU) juga berkurangan daripada 70 peratus tahun sebelumnya ke 47 peratus pada 2011.

“Cuma apa yang membimbangkan ialah peningkatan jangkitan menerusi aktiviti seksual terutama membabitkan pasangan IDU yang dilaporkan sehingga 48 peratus khususnya di Kelantan dan Terengganu.

“Di sinilah pentingnya peranan Hari Aids Sedunia untuk menyalurkan maklumat kepada pasangan IDU yang majoritinya isteri kepada pengguna dadah memandangkan mereka ini amat terdedah dengan jangkitan HIV dan Aids tanpa disedari.

“Banyak rangka program sudah disusun dan MAM akan berkolaborasi dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk meningkatkan kesedaran di kalangan golongan ini, sekali gus membantu mereka mendapatkan rawatan,” ujarnya.

**FAKTA:**

- Mula diperkenalkan pada 1 Disember 1988, Hari Aids Sedunia adalah hari di mana masyarakat dunia berhimpun dan saling bekerjasama memperingati ahli keluarga dan kenalan yang meninggal dunia kerana penyakit itu.

- Pada masa sama, pelbagai kempen dan program dijalankan dalam usaha menamatkan wabak ini.

- Untuk maklumat lanjut, boleh layari www.mac.org.my atau hubungi Majlis Aids Malaysia di 03-40451033.